

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN

**DARIPADA :** DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI  
MOHAMAD [ Lipis ]

**TARIKH :**

**SOALAN :** 63

**Dato' Haji Abdul Rahman Bin Haji Mohamad [ Lipis ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mewajibkan Kursus Kenegaraan Biro Tata Negara terhadap penjawat awam yang baru dilantik bagi memupuk semangat patriotisme dan kerja beretika dalam kalangan mereka.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA**  
**MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2003, di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) untuk penjawat awam, BTN telah dilantik oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk melaksanakan Kursus Kenegaraan untuk Pegawai Sektor Awam. Kursus Kenegaraan ini bertujuan untuk meningkatkan ketahanan diri dari segi mental dan fizikal bagi melahirkan pegawai awam yang patriotik, berdisiplin dan berperibadian mulia.

Objektif Kursus Kenegaraan adalah untuk

- (i) Meningkatkan patriotisme pegawai Perkhidmatan Awam kepada Negara dan Kerajaan melalui latihan mental dan fizikal;
- (ii) Memupuk sikap, nilai-nilai murni dan etika kerja cemerlang di kalangan pegawai Perkhidmatan Awam; dan
- (iii) Memenuhi sebahagian daripada syarat lulus TK 1 di bawah Sistem Saraan Baru.

Namun, selaras dengan keputusan kerajaan pada pembentangan Belanjawan 2011 yang menggantikan Sistem Saraan Baru (SSB) kepada Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA), kerajaan telah memutuskan supaya Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dimansuhkan dan digantikan dengan sistem penilaian yang lebih sesuai dan diterima baik oleh Pegawai Sektor Awam. Memandangkan Kursus Kenegaraan

adalah salah satu komponen di bawah Penilaian Tahap Kecekapan 1 dalam Sistem Saran Baru, maka pelaksanaanya turut dimansuhkan.

Mengenai cadangan untuk mewajibkan semula Kursus Kenegaraan, ianya adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam selaku agensi pusat bagi perkhidmatan awam yang bertindak dalam menggubal dasar-dasar perkhidmatan awam. Pada masa kini, BTN hanya terlibat dalam Program Transformasi Minda anjuran agensi kerajaan masing-masing dan diberikan 2 slot untuk menyampaikan ceramah iaitu berkaitan dengan Hala Tuju Negara dan Menjana Negara Sejahtera dan Bahagia.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HJ ABDUL RAHMAN HAJI MOHAMAD  
[ LIPIS ]**

**SOALAN : 64**

**Dato' Hj Abdul Rahman Haji Mohamad [ Lipis ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan memperluaskan ujian psikologi dan mental kepada semua anak kapal, pemandu pengangkutan awam lain seperti bas dan feri yang bertanggungjawab membawa penumpang yang ramai sebagai sebahagian daripada ujian perubatan tahunan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan pada masa kini tidak bercadang untuk mewajibkan ujian psikologi dan mental kepada semua anak kapal dan pemandu pengangkutan awam seperti bas dan feri.

Bagi pemandu kenderaan komersial, Jabatan Pengangkutan Jalan telah pun mensyaratkan pemeriksaan perubatan tahunan sebagai sistem pemantauan kesihatan ke atas pemandu kenderaan perkhidmatan awam/perdagangan di negara ini. Pelaksanaan peraturan pemeriksaan tahunan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 56, Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedah-Kaedah di bawahnya. Pemeriksaan mental adalah sebahagian daripada elemen pemeriksaan yang ditetapkan di bawah perundangan tersebut. Kerajaan juga sedang mengkaji untuk menambah baik standard pemeriksaan perubatan sedia ada dengan lebih komprehensif supaya aspek kesihatan pemandu kenderaan perkhidmatan awam/perdagangan memenuhi standard keselamatan pemanduan yang ditetapkan.

Bagi anak kapal pengangkutan maritim pula, Jabatan Laut Malaysia telah mengeluarkan senarai semak bagi tujuan pemeriksaan tahap kesihatan kepada pelaut. Berdasarkan senarai semak tersebut tiada pemeriksaan khusus terhadap tahap psikologi dan mental yang dijalankan ke atas pelaut. Pemeriksaan ini adalah berdasarkan kepada perundangan antarabangsa iaitu *Standards of Training, Certification and Watchkeeping for Seafarers* (STCW) 1978, di bawah Peraturan *Medical Standard* (A-I/9).

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [ JERANTUT ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi memastikan anak masyarakat orang asli di seluruh negara dapat mengikuti pendidikan peringkat rendah sepenuhnya.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan satu Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli yang komprehensif sebagai satu inisiatif mengarusperdanakan masyarakat Orang Asli seiring dengan kemajuan rakyat di negara ini. Menerusi agenda transformasi ini, KPM melaksanakan pelbagai usaha bagi mencapai KPI dalam meningkatkan kehadiran murid, prestasi LINUS, enrolmen murid prasekolah, keselamatan, kesihatan, dan kebajikan murid.

Antara langkah-langkah yang diambil bagi memastikan anak masyarakat Orang Asli di seluruh negara dapat mengikuti pendidikan peringkat rendah sepenuhnya ialah Skim Bantuan Persekolahan yang disediakan oleh pihak KPM iaitu;

- a. Rancangan Makanan Tambahan (RMT), dan Program Susu Sekolah (PSS) yang dilaksanakan bertujuan menyediakan bantuan makanan berkhasiat kepada murid-murid miskin;

- b. Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) bertujuan membantu murid-murid miskin agar tidak tercincir dari sistem persekolahan;
- c. Bantuan Makanan Asrama (BMA) kepada penghuni asrama;
- d. Bantuan Perjalanan dan Pengangkutan Murid bagi murid-murid yang tinggal di asrama;
- e. Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) kepada semua murid-murid yang berada di dalam sistem persekolahan.

KPM juga menyediakan kemudahan Asrama Harian / Asrama Desa di Sekolah Orang Asli bagi murid-murid Orang Asli dan mereka ini dikecualikan daripada apa-apa bayaran. Kemudahan asrama ini secara langsung dapat meningkatkan kadar enrolmen dan peratus kehadiran murid ke sekolah. Malah kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang menyediakan kemudahan pengangkutan murid pergi dan balik ke sekolah / semasa cuti sekolah turut menyumbang kepada kesediaan anak-anak Orang Asli mengikuti alam persekolahan.

Di samping itu, pelaksanaan program Kelas Dewasa (KEDAP) kepada ibu bapa murid Orang Asli oleh pihak KPM sejak tahun 2008 hingga sekarang turut menyumbang kepada peningkatan kesedaran pendidikan dalam kalangan ibu bapa Orang Asli sekali gus merangsangkan anak-anak mereka untuk hadir ke sekolah.